

Tatakelakuan



Tatakelakuan

Warkah daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kita

Rakan Sekerja yang Dihormati,

Di LyondellBasell, segala yang kita lakukan menepati tujuan kita; mencipta penyelesaian kehidupan sehari-harian yang mampan. Nilai kita – Kita memperkasa warga kerja kita, Kita berusaha mencapai kecemerlangan dan Kita membentuk masa depan – ialah teras budaya kita, dan cara kita berusaha ke arah mencapai tujuan kita setiap hari.

Tatakelakuan LyondellBasell mencerminkan nilai dan komitmen kita untuk mengendalikan perniagaan secara beretika dan bertanggungjawab sementara menawarkan panduan dalam kerja sehari-harian kita dengan pihak berkepentingan utama: pekerja, pembekal, pelanggan, pelabur dan komuniti tempat kita beroperasi. Tatakelakuan ini meliputi topik-topik seperti urus niaga yang adil dan tepat, rasuah, kesihatan dan keselamatan, diskriminasi dan perlindungan alam sekitar.

Apabila kita semua mematuhi nilai dan piawaian etika kita yang digariskan dalam Tatakelakuan ini, kita memupuk budaya yang sihat dengan menggalakkan ketelusan, etika dan kemampunan.

Untuk memastikan semua pekerja memahami kewajipan mereka, Kod ini tersedia dalam 17 bahasa yang berbeza dan ditambah dengan latihan tahunan. Jika anda mempunyai kebimbangan, atau merasakan Tatakelakuan kita tidak dipatuhi, saya menggalakkan anda untuk bersuara. Jika ragu-ragu, jangan teragak-agak untuk menghubungi Pematuhan melalui e-mel menggunakan kod QR di bawah.



Peter Vanacker
CEO



Kandungan

Warkah daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kita.....	i
Kandungan.....	ii

Bahagian 1

Cara Kita Berkelakuan.....	5
Selamat Datang ke Kod Kita	5
Pihak Yang Perlu Mematuhi Kod Kita.....	5
Membuat Keputusan yang Bertanggungjawab dan Mampan serta Mematuhi Undang-undang.....	5
Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan	6
Akibat daripada Pelanggaran Kod Kita.....	8
Bertindak Balas kepada Audit, Penyiasatan dan Pertanyaan	8
Penepian Kod	8

Bahagian 2

Kita Memperkasa Warga Kerja	10
Kita Meletakkan Warga Kerja Sebagai Teras Segala-galanya dan Mengamalkan Kepelbagaian, Kesamarataan, dan Keterangkuman	11
Mengutamakan Keselamatan dan Menerajui Prestasi Keselamatan	12
Kita Melindungi Aset dan Warga Syarikat Kita.....	12
Kita Menggunakan Teknologi Syarikat Dengan Penuh Tanggungjawab	15
Kita Menghormati Data Peribadi Antara Satu Sama Lain dan Mematuhi Peraturan Kerahsiaan Data.....	16
Kita Mengelak Percanggahan Kepentingan	16

Bahagian 3

Kita Berusaha Mencapai Kecemerlangan	18
Kita Berusaha untuk Memenuhi Piawai Mutu dan Keselamatan Keluaran.....	19
Kita Berurusan dengan Pelanggan dan Pembekal	
Kita Secara Wajar	19
Kita Melindungi Maklumat Pihak Ketiga	20
Kita Mengelakkan Buku dan Rekod Kewangan Yang Tepat.....	20
Kita Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa.....	21

Bahagian 4

Kita Membentuk Masa Depan	22
Kita Berfungsi sebagai Warga Korporat Yang Baik	23
Kita Bekerja untuk Melindungi Alam Sekitar Kita.....	23
We Make Charitable and Political Contributions Ethically	23
Kita Mematuhi Undang-undang Antirasuah.....	24
Kita Bekerja untuk Mencegah Pengubahan Wang Haram.....	24
Kita Berusaha untuk Mencegah Usaha Membantu Pengelakan Cukai.....	25
Kita Mematuhi Undang-undang Antitrust dan Persaingan.....	25
Kita Berusaha untuk Mencegah Perdagangan Orang Dalam dan Pendedahan Maklumat Kepada Orang Lain Yang Berdagang Atas Dasar Maklumat Tersebut ("Tipping")	25

Bahagian 5

Borang Perakuan.....	26
Indeks Maklumat Hubungan	kulit dalam belakang





Cara Kita Berkelakuan

Selamat Datang ke Kod Kita

Selamat Datang ke Tatakelakuan (“Kod”) kita. Di LyondellBasell kita mewujudkan penyelesaian untuk kehidupan sehari-harian yang mampan. Kod ini merangkumi komitmen kita untuk melakukan perkara yang sewajarnya bagi menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik dan lebih mampan untuk generasi masa hadapan. Kod tersebut menjelaskan tingkah laku yang dijangka daripada kita semua dan menentukan standard mengenai cara kita bekerja bersama-sama untuk mencapai matlamat kita. Butiran yang lebih terperinci tentang car akita bertingkah laku boleh didapati dalam dasar Syarikat kita. Dasar Syarikat yang dirujuk dalam Kod kitab oleh didapati di *Elements*, iaitu, intranet Syarikat.

Sila baca dengan teliti kerana anda dijangka untuk mengetahui dan mematuhi Kod tersebut pada setiap masa. Dari semasa ke semasa, anda mungkin diminta untuk menunjukkan bahawa anda telah membaca, memahami dan memperakui Kod kita. Kegagalan untuk membaca atau memperakui standard yang terkandung dalam Kod tersebut tidak melepaskan anda daripada tanggungjawab untuk mematuhi Kod itu atau sebarang dasar atau tatacara kita yang lain.

Semua rujukan kepada “Syarikat” kita atau “LyondellBasell” dalam Kod kita merujuk kepada LyondellBasell Industries N.V., subsidiarinya dan gabungan yang kita mempunyai kawalan pengendalian melalui, perjanjian khidmat atau pengurusan berkontrak lain.



At LyondellBasell we are creating solutions for everyday sustainable living.

Pihak Yang Perlu Mematuhi Kod Kita

Kod kita berkaitan dengan semua pekerja, pegawai, pengarah atau sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kita. Di samping itu, kita menjangka pihak yang menjalankan perniagaan dengan kita mengikuti prinsip yang serupa semasa berurusan dengan LyondellBasell.

Walaupun semua orang bertanggungjawab untuk mematuhi Kod semasa menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat kita, penyelia dan pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan. Jika anda merupakan penyelia atau pengurus, anda berkewajipan untuk bertindak sebagai model peranan beretika bagi pekerja yang melaporkan diri kepada anda. Anda tidak boleh mengambil sebarang tindakan buruk terhadap seseorang yang menimbulkan kebimbangan dengan niat yang baik. Sebaliknya, anda seharusnya memperkuatkan lagi Kod melalui tindakan anda. Jika anda menyedari bahawa pematuhan telah berkurangan, maka anda bertanggungjawab anda untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memajukan perkara tersebut ke peringkat yang lebih tinggi sekiranya perlu.

Membuat Keputusan yang Bertanggungjawab dan Mampan serta Mematuhi Undang-undang

Kita komited untuk membuat keputusan yang bertanggungjawab dan mampan serta mematuhi undang-undang. Kod ini ialah atas komitmen kita dalam mematuhi undang-undang, tetapi Kod tersebut tidak menerangkan setiap undang-undang yang mungkin berkaitan dengan anda. Sebagai organisasi yang bersifat sejagat, kerja kita tertakluk pada undang-undang dan peraturan pelbagai negara. Kita semua bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang tersebut selain Kod, dasar dan tatacara kita. Jika anda percaya bahawa terdapat perclanggan antara undang-undang negara anda dengan undang-undang di negara lain yang merupakan tempat kita menjalankan perniagaan, perclanggan antara undang-undang dengan Kod kita, atau perclanggan antara undang-undang dengan apa-apa pun yang anda diminta untuk lakukan, maka dapatkan bimbingan dengan mengikuti langkah yang digariskan dalam Kod ini.

Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan

Di LyondellBasell, kita menghargai akauntabiliti dan keberanian dan menghendaki kesemua pekerja kita supaya membangkitkan kesedaran atau kebimbangan tentang kemungkinan pelanggaran dan mengambil tindakan yang wajar sebagaimana yang diterangkan dalam Kod kita.

Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan

Kita memberi komitmen bahawa tindakan yang sedemikian tidak akan mengakibatkan sebarang tindakan balas. Oleh itu, anda dijangka untuk mengemukakan sebarang soalan atau kebimbangan yang anda mungkin ada. Jika anda memerlukan bimbingan, atau jika anda ingin membuat laporan, sumber yang berikut tersedia kepada anda:

- Penyelia atau pengurus anda
- Jabatan Sumber Manusia (HR)
- Jabatan Undang-undang
- Jabatan Pematuhan
- Talian Bantuan Etika
(melalui telefon atau melalui www.lyondellbasell.ethicpoint.com)

Di sesetengah lokasi, kegagalan untuk melaporkan pelanggaran Kod atau salah laku juga boleh mengakibatkan hukuman penjara dan denda sivil dan jenayah. Sila ambil perhatian bahawa kegagalan untuk melaporkan sebarang pelanggaran Kod atau salah laku juga boleh dianggap sebagai pelanggaran Kod.

Melaporkan kepada Talian Bantuan Etika

Talian Bantuan Etika kita disenggarakan oleh EthicsPoint, penyedia pihak ketiga bebas. Laporan boleh dibuat melalui telefon secara langsung kepada wakil EthicsPoint atau melalui Internet. Talian Bantuan Etika tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan disertakan dengan penterjemah. Jika diizinkan oleh undang-undang, anda boleh memilih untuk membuat laporan secara awanama. LyondellBasell tidak akan cuba untuk mengenal pasti identiti anda jika anda memilih untuk kekal awanama. Jika anda membuat laporan secara awanama melalui EthicsPoint, sistem EthicsPoint membolehkan anda dan penyiasat untuk mengadakan dialog awanama yang sulit. Semasa anda membuat laporan kepada Talian Bantuan Etika, EthicsPoint akan menghantar laporan anda kepada Jabatan Pematuhan LyondellBasell untuk disemak.

S. Jika Michaelina melaporkan sesuatu melalui Talian Bantuan Etika, apakah yang berlaku setelah laporannya dibuat?

J. Setiap kes yang dilaporkan pada talian bantuan EthicsPoint disemak dan dianalisis untuk tindakan lanjut. Dalam sesetengah keadaan, kita boleh meminta pelapor untuk maklumat lanjut seperti tarikh atau dokumentasi. Manfaat menggunakan talian bantuan EthicsPoint ialah talian ini adalah percuma, dan anda boleh memilih untuk berkomunikasi secara awanama berkaitan laporan supaya kami boleh memahami dan menangani isu yang dibangkitkan. Semua laporan yang mengenal pasti tingkah laku disiasat untuk mengetahui sama ada merangkumi pelanggaran undang-undang atau dasar Syarikat, jika benar. Michaelina akan dimaklumkan bahawa siasatan telah selesai, tetapi tidak semestinya diberitahu tentang hasil siasatan.



Kita Tidak Bertolak Ansur Terhadap Tindakan Balas

Sebagai sebahagian daripada budaya yang memperkasa kita untuk merasakan bahawa kita turut memiliki syarikat, kita mempunyai tanggungjawab terhadap Syarikat kita dan antara satu sama lain, dan kita dijangka untuk melaporkan kebimbangan apabila kita percaya sesuatu yang tidak wajar atau yang tidak sepatutnya telah berlaku atau mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, mungkin sukar untuk mendukung tanggungjawab ini apabila kita takut akan dikenakan tindakan balas. LyondellBasell tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan dengan niat baik. Laporan yang dibuat "dengan niat baik" bermaksud anda menyediakan semua maklumat yang anda ada dan anda percaya bahawa maklumat tersebut adalah benar. Sekiranya sesuatu laporan dibuat dengan niat baik dan siasatan yang didorong oleh laporan anda itu tidak mengesahkan bahawa salah laku telah berlaku, tiada tindakan akan diambil terhadap anda.

Anda seharusnya berasa selesa untuk membuat laporan kepada mana-mana sumber yang disenaraikan dalam bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan". Jika anda percaya bahawa anda atau orang lain telah diambil tindakan balas terhadap kerana menimbulkan kebimbangan, anda seharusnya mengemukakan hal ini kepada Jabatan HR, Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan atau membuat laporan melalui Talian Bantuan Etika.

S. Jika Raphael melaporkan sesuatu yang dipercayai adalah masalah, adakah dia akan menghadapi masalah jika keraguannya didapati salah?

J. LyondellBasell mengamalkan sikap tiada toleransi terhadap tindakan balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat yang ikhlas - - yang bermakna, pelapor memberikan kesemua maklumat yang mereka percaya adalah benar. Jika Raphael membuat laporannya dengan niat yang ikhlas, dia tidak akan mengalami masalah, walaupun keraguannya didapati salah. Selain itu, sebagai pekerja LyondellBasell, Raphael bertanggungjawab untuk melaporkan masalah yang disyaki.



The Ethics Helpline is available 24 hours a day, seven days a week, with translators.

Akibat daripada Pelanggaran Kod Kita

Syarikat kita memandang berat terhadap pelanggaran Kod. Individu yang melanggar Kod adalah tertakluk pada tindakan tatatertib, yang boleh membawa sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan.

Bertindak Balas kepada Audit, Penyiasatan dan Pertanyaan

Kita hendaklah bertindak balas kepada dan mematuhi semua audit dan penyiasatan luaran dan dalaman, termasuk penyiasatan kerajaan. Anda tidak boleh menghalang atau melewatkhan audit atau penyiasatan yang sedemikian. Anda hendaklah bercakap benar, memberikan kerjasama sepenuhnya, tidak menyalahgambarkan fakta atau keadaan dan memberikan maklumat yang diminta kepada juruaudit dan penyiasat. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sebarang audit, penyiasatan atau pertanyaan, dan cara anda seharusnya bertindak balas, sila rujuk kepada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan.

Penepian Kod

Penepian Kod hendaklah sejajar dengan Peraturan Bursa Saham New York.



Kita Memperkasa Warga Kerja



Kita Meletakkan Warga Kerja Sebagai Teras Segala-galanya dan Mengamalkan Kepelbagaian, Kesamarataan, dan Keterangkuman

Di LyondellBasell, kita berazam untuk mencapai tahap tertinggi keadilan dan menghormati setiap pekerja dengan sama rata. Kita meletakkan warga kerja sebagai teras segala yang kita lakukan dengan menerima dan mengamalkan budaya kepelbagaian, kesamarataan dan keterangkuman. Oleh itu, kita menggalakkan perkongsian idea dan komunikasi masalah secara terbuka. Syarikat kita menggalakkan kesamarataan dan sikap hormat untuk menyokong rakan sekerja dan komuniti global kita. Kita memperkasa warga kerja kita, dan kita berusaha memastikan pekerja kita rasa dihargai, didengari dan disokong.

Persekitaran Kerja yang Bebas Diskriminasi

Di LyondellBasell kita menerima dan menghormati latar belakang dan perspektif yang berbeza, dan kita memanfaatkan kuasa ramai; mempunyai minda yang terbuka dan mudah menyesuaikan diri membantu kita berjaya sebagai satu pasukan. LyondellBasell komited terhadap prinsip peluang pekerjaan yang saksama kepada semua pekerja dan dalam menyediakan persekitaran kerja yang bebas diskriminasi. Semua keputusan pekerja di Syarikat kita adalah berdasarkan keperluan perniagaan, keperluan kerja dan kelayakan individu tanpa mengambil kira kaum, warna kulit, agama atau kepercayaan, asal usul kewarganegaraan atau etnik, jantina (termasuk kehamilan), umur, ketidakupayaan, keadaan perubatan, orientasi seksual, identiti atau ekspresi jantina, status perkahwinan atau keluarga, perkhidmatan tentera atau status veteran, sejarah perubatan keluarga atau maklumat genetik, atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang atau peraturan di lokasi tempat kita beroperasi. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur terhadap diskriminasi berdasarkan mana-mana ciri ini.



LyondellBasell is committed to the principle of equal employment opportunity for all employees and to providing employees with a work environment free of discrimination

Persekitaran Kerja Bebas Gangguan

LyondellBasell komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan. Untuk menggalakkan rasa hormat dalam organisasi kita, kita hendaklah melayan satu sama lain dengan penuh maruah. Syarikat kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau persekitaran kerja yang kesat, sama ada dari dalam atau di luar tempat kerja kita.

Gangguan boleh dalam sebarang bentuk kelakuan tempat kerja yang tidak disenangi atau kesat —bersifat seksual atau bukan seksual—yang mempunyai kesan mewujudkan tempat kerja yang menakutkan, bermusuhan atau menyinggung perasaan. Beberapa contoh termasuk:

- Sentuhan fizikal yang tidak wajar, termasuk meraba
- Gangguan seksual sama ada secara lisan atau fizikal, permintaan perbuatan seksual, bahasa seksual yang eksplisit, jenaka kotor, komen tentang tubuh atau aktiviti seksual seseorang
- Memaparkan gambar atau objek berunsur seksual, penampilan berunsur seksual, komunikasi yang berunsur seksual atau menggalakkan perbuatan seksual melalui apa jua cara.

Syarikat turut melarang bentuk gangguan yang lain berdasarkan status dilindungi undang-undang yang sah bagi individu, seperti contoh berikut:

- Penggunaan kata-kata menghina atau stereotaip yang negatif
- Gurau senda, ejekan atau jenaka lisan
- Paparan tampak bukan lisan, termasuk paparan atau tindakan elektronik, yang mengandungi gambar, video atau gerak isyarat tangan yang menyinggung perasaan
- Ancaman atau tindakan menakut-nakutkan, intimidasi, membuli, mengepung
- Sebarang jenis kelakuan lain yang menunjukkan kebenlian, rasa tidak hormat atau penganiayaan terhadap individu.

Tindakan mengganggu di tempat kerja, seperti yang diterangkan di atas, adalah dilarang, tidak kira sama ada perbuatan tersebut dialu-alukan atau tidak, dan tidak kira sama ada individu yang terlibat adalah daripada jantina, orientasi seksual, kaum atau status lain yang sama atau berbeza. Sekali lagi, LyondellBasell melarang tindakan balas dan tidak akan menamatkan, menurunkan pangkat atau mendiskriminasikan pekerja kerana membuat laporan dengan niat baik.

Mengutamakan Keselamatan dan Menerajui Prestasi Keselamatan

Mengutamakan keselamatan dan bekerja dengan selamat ialah nilai teras Syarikat kita. Kita menyokong keselamatan dan kesejahteraan rakan sekerja dan komuniti kita dengan mengekalkan usaha menerajui prestasi keselamatan. Kita komited untuk tidak sekali-kali membenarkan keselamatan dan operasi kemudahan kita secara bertanggungjawab dikompromi atas apa jua sebab. Ini juga bermaksud kita perlu berazam untuk mencapai kecemerlangan dalam keselamatan. Tidak ada apa-apa pun yang lebih penting daripada bekerja dengan selamat —dan oleh itu, kita mesti berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang mana “tidak ada sesiapa pun yang tercedera, di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa.”

Setiap pekerja dan orang yang bekerja untuk atau bagi pihak Syarikat mesti mematuhi Kod, Piawai Syarikat dan Dasar Syarikat kita pada setiap masa. Anda dijangka untuk mematuhi tatacara dan melaporkan sebarang pelanggaran peraturan dan dasar Syarikat yang sebenar atau yang disyaki sejajar dengan langkah yang digariskan dalam “Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan”.

Penyalahgunaan Alkohol dan Bahan

Di LyondellBasell, kita tidak akan melakukan pekerjaan di bawah pengaruh alkohol, dadah haram atau penggunaan ubat preskripsi dengan cara yang tidak sepatutnya. Di samping itu, kita tidak boleh sesekali memiliki, menggunakan, menjual, menawarkan atau mengedara dadah haram atau bahan terkawal lain di premis Syarikat atau semasa menjalankan urusan Syarikat. Kita boleh memiliki dan meminum alkohol di majlis yang ditaja atau dibenarkan oleh Syarikat atau dalam persekitaran perniagaan tertentu yang sah seperti semasa menghiburkan pelanggan. Akan tetapi, pada setiap masa yang sebegini, kita dijangka akan bertindak dengan penuh tanggungjawab dan meminum secara sederhana (bukan sehingga berada dalam keadaan mabuk). Syarikat boleh menarik hak istimewa tersebut jika disalahgunakan.

S. Rakan sekerja Maeve sering gagal memakai kaca mata keselamatan sebagaimana yang diperlukan untuk melindungi matanya sewaktu bekerja di kilang. Maeve menyatakan hal ini kepada rakan sekerjanya, tetapi rakan sekerjanya menyatakan bahawa kaca mata keselamatan tersebut berkabus dan sebenarnya membuatkan dia kurang selamat. Maeve turut melaporkan hal ini kepada pengurusnya, tetapi tiada tindakan diambil. Memandangkan Maeve sudah pun membangkitkan hal ini dengan rakan sekerja dan pengurusnya, adakah apa-apa lagi yang boleh dilakukan olehnya?

J. Ya. Jika rakan sekerja Maeve enggan memakai peralatan perlindungan diri yang diperlukan, Maeve mesti melaporkan isu ini menggunakan pilihan pelaporan yang tersedia kepadanya. Jika pengurus Maeve tidak mengambil tindakan dengan segera, Maeve boleh meneruskan untuk membuat laporan insiden kepada mana-mana sumber yang disenaraikan di bahagian “Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan”.

Kita Melindungi Aset dan Warga Syarikat Kita

Perlindungan pekerja, premis, aset, operasi dan reputasi kita merupakan asas kepada memastikan kebertanggungjawaban dan kejayaan Syarikat kita.

Aset Syarikat

Kita semua mempunyai kewajipan untuk berhati-hati semasa menggunakan aset Syarikat kita. Ini termasuk dana Syarikat, keluaran, sistem komputer dan perisian, kenderaan, kemudahan, peralatan, dokumen, rangkaian, maklumat sulit, harta intelektual dan malahan reputasi kita. Aset Syarikat tidak boleh digunakan untuk kegunaan peribadi melainkan dibenarkan secara khusus oleh dasar Syarikat. Kecurian aset Syarikat atau mencuri daripada Syarikat merupakan pelanggaran Kod. Di samping itu, jika anda mengetahui atau mengesyaki sebarang kecurian, penyalahgunaan atau pembaziran aset Syarikat, anda hendaklah melaporkan perkara tersebut dengan segera.

S. Aurelia ialah saintis penyelidik dan disebabkan pekerjaannya memberi akses kepada Data Rahsia (Classified Data) Syarikat, iaitu maklumat Syarikat yang paling rahsia dan berharga. Dia berkawan dengan rakan sekerjanya di jabatan sumber manusia. Bolehkah Aurelia berkongsi Data Rahsia Syarikat ini dengan rakan sekerjanya disebabkan mereka semua bekerja dalam syarikat yang sama?

J. Tidak. Pekerja LyondellBasell bertanggungjawab untuk melindungi maklumat. Data Rahsia Sulit mestilah dipastikan selamat dan hendaklah hanya dikongsi dengan rakan sekerja yang perlu tahu

Keganasan Di Tempat Kerja

Kita bertekad untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada keganasan. Kita tidak boleh terlibat langsung dengan, bertolak ansur terhadap atau mengabaikan sebarang bentuk keganasan. Ini termasuk ancaman atau perbuatan, intimidasi atau memupuk rasa takut tentang kecederaan diri pada orang lain. Jika anda mengetahui tentang ancaman sebenar atau kemungkinan ancaman atau tindakan keganasan, anda hendaklah melaporkan kebimbangan anda dengan segera.

S. Pengurus Matilda sering memekik kepada salah seorang rakan sekerjanya dan memanggil-manggil pekerja itu nama yang tidak enak. Matilda tidak pasti, tetapi rakan sekerja itu kelihatan seperti tidak selesa. Perlukah Matilda hanya membiarkan rakan sekerja ini menangani sendiri situasi tersebut?

J. Tidak. Matilda dikehendaki apa-apa perlakuan yang dipercayai olehnya sebagai boleh melanggar Kod kita. Membuli ialah tingkah laku mengganggu dan mesti dilaporkan. Matilda boleh melaporkan insiden ini dengan serta merta kepada mana-mana sumber yang disenaraikan di bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan"

Maklumat Sulit dan Harta Intelektual

Sebagai sebuah Syarikat yang tertumpu pada masa depan, yang memacu pemikiran inovatif dan memupuk semangat keusahawanan, kita menjana Harta Intelektual atau singkatannya, "IP", termasuk maklumat sulit. Maklumat sulit dan bukan umum boleh terdapat dalam pelbagai bentuk, termasuk maklumat kewangan, senarai pelanggan, strategi dan rancangan perniagaan atau maklumat berkaitan dengan aset dan operasi. Sebagai seorang pekerja anda dijangka untuk menggunakan maklumat sulit semata-mata untuk manfaat Syarikat dan tidak dibenarkan untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain di luar Syarikat dan hanya didedahkan di bawah perjanjian kerahsiaan yang ditandatangani dengan betul. Sama seperti kita menjangka semua pekerja agar menghormati maklumat sulit Syarikat, kita juga menjangka pekerja menghormati maklumat sulit orang lain, termasuk pesaing, pembekal dan pelanggan. Jika anda dengan tidak sengaja mengetahui tentang maklumat sebegini, sila maklumkan kepada penyelia atau pengurus anda.

Sebagai pelabur dan pemimpin dalam bidang kimia, IP Syarikat kitas ialah aset Syarikat yang berharga dan kita mesti dengan berhati-hati melindungi dan menguatkuasakan hak IP kita pada setiap masa. IP termasuk harta tak ketara seperti hak cipta, paten, tanda dagangan dan rahsia perdagangan. Undang-undang melindungi hak kita terhadap harta ini seperti perlindungan terhadap bentuk harta fizikal yang lain. Hak kepada semua IP yang dicipta dengan bahan Syarikat,


menggunakan masa Syarikat, dengan belanja Syarikat kita atau dalam ruang lingkup tugas kita, setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, ialah milik LyondellBasell.

Rahsia perdagangan—kelas khas data sulit yang memberikan kelebihan bersaingan kepada syarikat kita – juga merupakan aset Syarikat berharga yang mesti dilindungi oleh kita

Beberapa contoh rahsia perdagangan termasuk:

- Senarai atau data pelanggan
- Terma dan syarat, kadar atau yuran yang ditawarkan kepada pelanggan
- Rancangan strategik dan pemasaran
- Pembangunan teknologi, kaedah, teknik atau proses
- Formula atau resipi produk

Jangan dedahkan rahsia perdagangan atau sebarang maklumat proprietari atau sulit lain, tanpa keperluan perniagaan dan memperoleh keizinan terlebih dahulu untuk berbuat demikian. Berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat ini dengan cara mengunci komputer anda, dokumen atau bahan sensitif lain dengan betul. Tambahan lagi, elakkan daripada berbincang tentang maklumat sebegini di tempat di mana orang lain boleh terdengar perbualan anda, termasuk restoran, bilik air, teksi, kapal terbang atau lif. Ingat, kewajipan tersebut berlanjutan walaupun selepas pekerjaan anda dengan LyondellBasell sudah tamat.



S. Jacob sedang mengusahakan strategi perniagaan dalaman yang sulit untuk suku tahun fiskal yang seterusnya. Penyelianya memerlukan laporan tersebut bebas daripada kesilapan tatabahasa dan tipografi. Bolehkah Jacob memuat naik dokumennya ke dalam versi awam sebuah aplikasi AI generatif yang tidak diberi kebenaran oleh Syarikat?

J. Tidak. Jacob tidak boleh bertolak ansur tentang keselamatan dan kerahsiaan maklumat Syarikat. Dan dia tidak boleh menyimpan data syarikat dalam talian pada aplikasi dalam talian yang tidak dibenarkan. Jacob sepatutnya menggunakan alat dalaman syarikat yang selamat atau merujuk kepada penyelianya untuk mendapatkan saranan tentang penyelesaian membaca pruf dan suntingan yang selamat yang memenuhi keperluan keselamatan dan kerahsiaan syarikat

Reputasi Kita

Kita berbangga dan bersemangat tentang perkara yang kita lakukan dan kita berinspirasi untuk membaiki kehidupan. Reputasi kita untuk integriti amat dipengaruhi oleh maklumat yang kita sediakan kepada orang ramai. Ini bermaksud, sebahagiannya, bahawa semua komunikasi sebegitu mesti menyampaikan gambaran yang adil dan tepat mengenai urusan perniagaan kita. Hanya individu yang dibenarkan boleh bercakap bagi pihak LyondellBasell kepada pihak media media, pihak berkuasa kerajaan, komuniti pelaburan dan sebagai sebahagian daripada forum awam lain.

Jika anda menerima permintaan untuk maklumat dari media, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Perhubungan Korporat. Jika anda menerima permintaan daripada juruanalisis atau ahli komuniti pelaburan, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Hubungan Pelabur. Jika anda menerima permintaan daripada wakil di sisi undang-undang luar atau agensi kerajaan, anda seharusnya memajukan permintaan tersebut kepada Jabatan Undang-undang.

Jangan ambil tindakan yang berikut:

- Bercakap bagi pihak LyondellBasell melainkan anda merupakan jurucakap yang ditetapkan dan mempunyai keizinan untuk berbuat demikian
- Mendedahkan sebarang maklumat sulit
- Merujuk kepada pelanggan, pembekal atau rakan kongsi LyondellBasell tanpa kelulusan mereka

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.



Kita Menggunakan Teknologi Syarikat Dengan Penuh Tanggungjawab

Komputer dan rangkaian sistem kita ialah aset yang berharga Syarikat kita. Komputer dan rangkaian sistem tersebut hendaklah digunakan dengan seujarnya dan ingatlah bahawa anda mewakili LyondellBasell. Sentiasa menggunakan komputer dan rangkaian sistem Syarikat (termasuk wayarles tetamu dan korporat) dengan cara yang selamat, beretika, sah, cekap dan produktif.

Ini bermaksud anda tidak boleh menggunakan sistem tersebut untuk mengakses, melihat, menghantar atau menyampaikan bahan-bahan yang haram, tidak senonoh, seks yang eksplisit, menyinggung perasaan atau tanpa diminta. Sementara kegunaan peribadi yang terhad dibenarkan, anda tidak boleh membenarkan penggunaan sebegitu mengganggu tanggungjawab kerja anda.

Anda seharusnya berhati-hati dengan e-mel, teks, blog dan pesanan segera sama seperti seolah-olah anda menulis surat menggunakan kepala surat LyondellBasell.

Kita seharusnya ingat bahawa:

- Tertakluk pada undang-undang yang berkenaan, semua sistem komputer dan data yang dicipta, dipindah dan disimpan adalah milik Syarikat. Bagi tujuan keselamatan dan penyelenggaraan sistem, individu yang dibenarkan oleh LyondellBasell boleh memantau peralatan, sistem dan lalu lintas rangkaian pada bila-masa. Pemantauan hanya akan dijalankan setakat yang dibenarkan atau diwajibkan oleh undang-undang dan seperti diperlukan dan wajar bagi tujuan perniagaan.
- Pekerja tidak boleh berkongsi akaun dan mesti menyimpan kata laluan mereka dengan selamat dan bertanggungjawab atas kerja yang dilakukan menggunakan akaun mereka; ini termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel dan penggunaan maklumat Syarikat.
- Pekerja tidak boleh memintasi kawalan atas meja atau keselamatan. Aktiviti ini boleh mengakibatkan program hasad (contohnya, virus) diperkenalkan ke dalam sistem komputer Syarikat. Melanggar hak cipta atau undang-undang atau peraturan yang serupa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pemasangan atau pengedaran “cetak rompak” atau keluaran perisian lain yang tidak berlesen dengan seujarnya untuk kegunaan LyondellBasell juga dilarang ketat.
- Kejayaan perniagaan LyondellBasell bergantung pada perlindungan maklumat Syarikat yang sulit dan maklumat bukan awam yang diamanahkan kepada kita oleh pekerja, pelanggan, vendor, rakan usaha sama, atau pihak ketiga yang lain. Maklumat yang tidak dikeluarkan dan maklumat yang dikelaskan sebagai Sulit, Dihadkan, atau Rahsia Syarikat tidak boleh dipindahkan ke atau disimpan pada sistem yang dihoskan oleh pihak ketiga seperti e-mel peribadi atau perkhidmatan yang dihoskan di Internet, pemacu kilat, atau peranti storan massa yang lain.

Kita Menghormati Data Peribadi Antara Satu Sama Lain dan Mematuhi Peraturan Kerahsiaan Data

Syarikat mengekalkan program privasi yang berasaskan dasar Syarikat dan piawaian dan amalan yang berkaitan yang memudahkan pematuhan kepada undang-undang perlindungan data peribadi global.

Syarikat menghormati kerahsiaan dan perlindungan yang diwajibkan oleh undang-undang berhubungan dengan data peribadi pekerja semasa, bakal pekerja dan bekas pekerja, dan juga rakan kongsi perniagaan kita. Data peribadi yang dikumpulkan dan disimpan oleh LyondellBasell akan diproses dengan adil dan secara mematuhi undang-undang privasi data yang berkenaan di tempat tersebut.

Akses kepada data peribadi pekerja dihadkan kepada pekerja Syarikat tertentu dan mereka yang mempunyai kebenaran yang sewajarnya dan sekiranya terdapat tujuan yang sah di sisi undang-undang untuk mempunyai maklumat tersebut. Bagi data peribadi seperti ini, Syarikat komited untuk:

- Mematuhi undang-undang data peribadi di peringkat global;
- Bertindak menurut dasar Syarikat;
- Mengumpul, mengguna dan memproses maklumat sebegini hanya apabila tujuan yang sah wujud; dan
- Berhati-hati untuk mencegah pendedahan tanpa izin.

Media Sosial dan Perangkaian

Di LyondellBasell, kita diberi inspirasi untuk membaiki kehidupan dan mengiktiraf bahawa saluran media social menyediakan kaedah kepada pekerja kita untuk mengambil bahagian secara peribadi dalam berkongsi keterujaan mereka tentang perkara yang kita lakukan. "Media sosial" termasuk pelbagai laman rangkaian sosial, blog dan wiki. Walau bagaimanapun, semasa memanfaatkan peluang peribadi sebegini, kita amat menggalakkan anda berhati-hati semasa melakukan demikian. Anda tidak boleh menggunakan media sosial untuk memfitnah, mengganggu, membuli, mengancam atau menakut-nakuti pekerja, pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat. Di samping itu, jangan berkongsi sebarang maklumat proprietari atau sulit Syarikat melalui penyertaan anda dalam media sosial. Di bawah Akta Hubungan Buruh Kebangsaan di Amerika Syarikat, "maklumat sulit" bagi tujuan bahagian ini daripada Kod kita tidak termasuk upah peribadi, tatatertib atau maklumat lain mengenai terma dan syarat pekerjaan anda. Penggunaan saluran media sosial hendaklah tidak mengganggu kerja.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Kita Mengelak Percanggahan Kepentingan

LyondellBasell komited terhadap mengekalkan amanah pihak berkepentingan kita melalui prestasi yang beretika dan kukuh. Ini bermula dengan komitmen kita terhadap integriti. Kita seharusnya berjaga-jaga kepada apa-apa pun yang boleh mewujudkan percanggahan kepentingan atau malahan boleh kelihatan percanggahan kepentingan. "Percanggahan kepentingan" timbul apabila kepentingan peribadi kita tidak sejajar dengan kepentingan Syarikat kita. Kita sentiasa seharusnya bebas daripada sebarang kepentingan, pengaruh atau perhubungan yang mungkin bercanggah dengan kepentingan LyondellBasell. Kita juga seharusnya mengelakkan kelakuan yang boleh kelihatan menimbulkan percanggahan kepentingan. Di bawah ialah beberapa contoh situasi lazim di mana percanggahan kepentingan boleh berlaku.

Kepentingan Kewangan

Sesetengah daripada kita mungkin mempunyai pelaburan kewangan dan kepentingan dalam syarikat selain daripada LyondellBasell. Jika kita mempunyai Kepentingan Kewangan Yang Penting dalam perniagaan atau entiti yang menjalankan urus niaga atau ingin membuat sebarang urus niaga atau bersaing dengan LyondellBasell, maka butiran kepentingan kewangan yang penting tersebut hendaklah didedahkan sebagaimana yang disyaratkan oleh Dasar Konflik Kepentingan. Kepentingan Kewangan Yang Penting ditakrifkan sebagai peratus agregat langsung atau tidak langsung lebih daripada sepuluh peratus (10%) (i) daripada sebarang kelas sekuriti firma atau syarikat yang belum dijelaskan; (ii) kepentingan dalam perkongsian atau sekutuan; atau (iii) daripada jumlah aset atau pendapatan kasar Pekerja sebegini.

Pekerjaan Di Luar

Komitmen kita terhadap kerja yang kita lakukan ialah perkara yang membuat LyondellBasell amat berjaya. Bagi mendukung komitmen ini, kita amat tidak digalakkan untuk menerima pekerjaan di luar atau peluang perniagaan di luar di entiti yang menjalankan perniagaan dengan atau bersaing dengan LyondellBasell. Peluang sebegini dianggap sebagai percanggahan kepentingan dan mesti didedahkan.

Menjalankan Perniagaan dengan Keluarga dan Kawan

Percanggahan kepentingan mungkin wujud jika ahli keluarga bekerja untuk pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat kami dan anda dapat menjelaskan perniagaan Syarikat dengan pelanggan, pesaing atau pembekal itu. Menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat dengan ahli keluarga dalam keadaan sebegini berkemungkinan akan mengakibatkan situasi percanggahan kepentingan dan mesti didedahkan. Ahli keluarga bermaksud ahli keluarga terdekat Pekerja seperti pasangannya, anak, ibu, bapa, kakak, abang, adik-beradik dan tiri atau mentua daripada jenis tersebut dan juga pasangan rumah tangga. Tambahan lagi, anda tidak boleh menyelia ahli keluarga secara langsung. Jika anda berfikir anda mungkin sudah mempunyai hubungan pelaporan dengan ahli keluarga anda, anda sepatutnya mendedahkan perkara tersebut.

Hadiah dan Hiburan Perniagaan

Semasa menjalankan perniagaan LyondellBasell, anda boleh menukarkan hadiah perniagaan dan menyertai hiburan bagi memupuk hubungan baik antara Syarikat kita dengan pelanggan atau pembekalnya. Walau bagaimanapun, kita mesti menggunakan pertimbangan yang waras semasa menawar atau menerima budi bahasa sebegini. Jika tidak, kita mungkin mendapati diri sendiri dalam situasi percanggahan kepentingan.

S. Haojie bertanggungjawab untuk membeli bekalan pejabat untuk Syarikat. Penyelia Haojie mahukan dia mencari vendor alternatif yang akan memberi nilai yang lebih baik kepada Syarikat. Haojie percaya bahawa dia boleh menjimatkan banyak masa dan usaha Syarikat jika dia melantik syarikat kakaknya disebabkan dia tahu syarikat kakaknya boleh dipercayai untuk menyediakan produk yang terbaik pada harga yang bagus. Bolehkah Haojie membeli bekalan pejabat daripada syarikat kakaknya?

J. Konflik kepentingan boleh wujud jika ahli keluarga bekerja untuk vendor dan anda memegang jawatan untuk mempengaruhi perniagaan Syarikat dengan vendor tersebut. Walau bagaimanapun, jika Haojie mendedahkan dengan sewajarnya konflik tersebut melalui borang pendedahan Konflik Kepentingan kepada penyelianya, ada kemungkinan LyondellBasell boleh membeli bekalan pejabat daripada syarikat kakaknya (tanpa Haojie mempengaruhi proses pemilihan).

Ini bermaksud kita tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah atau hiburan perniagaan jika dengan berbuat demikian akan mewujudkan berat sebelah terhadap keputusan kita. Sebelum menerima atau menawar budi bahasa perniagaan, tanya diri anda jika anda berasa selesa jika orang lain mendapat tahu mengenai perkara tersebut. Lazimnya, anda hanya boleh menawarkan atau menerima hadiah atau hiburan perniagaan jika hadiah atau hiburan perniagaan itu tidak diminta dan mematuhi dasar Syarikat yang terpakai.

Di samping itu, kita tidak boleh menawar atau menerima hadiah dan hiburan yang tidak wajar secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga atau membenarkan ahli

keluarga kita berbuat demikian. Semasa berinteraksi dengan pegawai dan kakitangan kerajaan, kita mesti mematuhi peraturan yang lebih ketat. Rujuk bahagian "Rasuh dan Pembayaran Tidak Wajar" dalam Kod kita dan dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements* untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Mendedahkan Percanggahan Kepentingan

Jika anda menyedari tindakan atau kepentingan anda atau orang lain yang boleh mewujudkan konflik, anda mesti membuat pendedahan dengan melengkapkan borang pendedahan. Tambahan lagi, kita seharusnya bekerja secara aktif dengan pelanggan kita, pembekal dan sesiapa saja yang menjalankan perniagaan bagi pihak LyondellBasell untuk mengenal pasti dan mengemukakan percanggahan kepentingan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau bimbingan, sila lihat dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

S. Seseorang pembekal menawarkan orang hubungannya di LyondellBasell, Bianite, sebuah pembesar suara Bluetooth mudah alih, tetapi dia berkata bahawa dia hanya boleh memberi pembesar suara itu hanya jika Biante memberi rujukan yang baik tentangnya kepada pasukan pembelian. Kos pembesar suara itu kurang daripada AS \$150. Bolehkah Bianite menerima pembesar suara tersebut?

J. Tidak. Tanpa mengira kos pembesar suara tersebut, sentiasa tidak wajar untuk menerima atau memberi hadiah dalam situasi terdapat "quid pro quo" – ungkapan yang bermaksud "sesuatu untuk sesuatu." Dalam hal ini, vendor tersebut menawarkan pembesar suara kepada Bianite hanya jika dia mendapat sesuatu sebagai balasan dan Bianite hendaklah menolak tawaran tersebut.

Kita Berusaha Mencapai Kecemerlangan



Di LyondellBasell kita berusaha tanpa mengenal penat lelah untuk meningkatkan lagi usaha dan jangkaan dengan diperkasa untuk merasakan bahawa kita pemilik perniagaan, sekali gus menggalakkan cara bekerja secara kolaboratif dan bersemangat tentang kesan yang kita berikan kepada dunia.

Kita Berusaha untuk Memenuhi Piawai Mutu dan Keselamatan Keluaran

Keluaran kita memainkan peranan yang penting dalam menjadikan kehidupan manusia lebih baik. Kita bersifat tertumpu pelanggan dan tahu bahawa pelanggan kita bergantung pada kita untuk menyediakan keluaran yang memenuhi atau melebihi semua piawai mutu dan keselamatan yang berkenaan. Oleh itu, kita mesti memastikan bahawa kita mematuhi kawalan mutu dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Di samping itu, kita mesti menganggap pembekal kami bertanggungjawab terhadap mutu dan keselamatan keluaran dan perkhidmatan yang disediakan oleh mereka kepada kita. Jika anda tahu atau mengesyaki bahawa pembekal tidak mendukung piawaian kita, anda sepatutnya melaporkan situasi tersebut dengan mengikuti langkah yang digariskan dalam bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan".

Kita Berurusan dengan Pelanggan dan Pembekal Kita Secara Wajar

Menjalankan perniagaan dengan cara yang betul bermakna kita sentiasa menyediakan maklumat yang tepat dan wajar mengenai Syarikat kita—and persaingan kita—kepada semua pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan kita. Ini bermakna bahawa kita sentiasa mesti melibatkan diri dalam pemasaran, jualan dan komunikasi yang adil dan beretika. Kita tidak menyalahgambarkan keluaran kita atau keluaran pesaing kita. Di samping itu, kita tidak mengambil faedah tak saksama sesiapa saja melalui manipulasi atau menyalahgunakan maklumat terlindung atau proprietari, salah nyata atau sebarang amalan tidak beretika atau menyalahi undang-undang yang lain.

Penggunaan Maklumat Bersaing

Kita mempunyai pemahaman yang mendalam tentang trend yang baru muncul, pasaran akhir, dan keperluan pengguna agar kita selangkah di hadapan, sekali gus mewujudkan nilai yang bermakna dan memimpin pelanggan kita ke hadapan. Kadang kala kita mempunyai akses kepada maklumat mengenai pesaing kita yang boleh memberikan kelebihan perniagaan kepada Syarikat kita. Maklumat ini mungkin datang daripada orang lain atau pekerja yang bekerja untuk pesaing sebelum ini atau mempunyai maklumat mengenai pesaing. Kita hendaklah bertindak secara sah dan beretika pada setiap masa berhubung dengan maklumat ini. Walaupun mungkin sah untuk kita menggunakan maklumat persaingan, tindakan tersebut mungkin tidak beretika. Jika maklumat sulit mengenai pesaing didedahkan kepada anda dengan sengaja atau dengan tidak sengaja, anda seharusnya membincangkan pendedahan perkara tersebut dengan Jabatan Undang-undang dan menolak daripada menggunakan maklumat itu tanpa keizinan yang jelas daripada Jabatan Undang-undang untuk berbuat demikian.



At LyondellBasell we are relentlessly raising the bar by feeling empowered to take ownership, promoting collaborative ways of working and being passionate about our impact on the world.

S. Sewaktu melakukan perjalanan perniagaan Cameron makan malam dengan seorang rakan lama dan membayar untuk hidangan makanan tersebut menggunakan kad korporatnya. Resit yang diterima daripada restoran menunjukkan dua orang yang makan. Cameron tahu bahawa syarikatnya tidak akan membayar untuk rakannya. Bolehkah Cameron meminda resit untuk mengeluarkan bilangan orang yang menjamu selera?

J. Tidak. Kesemua rekod perniagaan LyondellBasell, termasuk resit perjalanan mestilah tepat, lengkap dan tidak sekali-kali dipalsukan atau dipinda. Cameron tidak sepatutnya mendapatkan pembayaran balik daripada Syarikat untuk hidangan rakannya, dia juga tidak patut mengemukakan resit yang tidak tepat kepada Syarikat.

Kita Melindungi Maklumat Pihak Ketiga

Melalui kerja kita, kita mungkin mengetahui maklumat sulit mengenai pembekal dan pihak berkepentingan lain kita. Kita haruslah melindungi maklumat ini dan menghormati semua komitmen kontraktual yang kita masuki dengan pihak tersebut yang berkaitan dengan maklumat yang dikatakan setiap masa. Ini bermaksud, sebahagiannya, melindungi semua harta intelektual pihak ketiga, seperti ciptaan dan perisian, daripada pendedahan atau penyalahgunaan.

Kita Mengekalkan Buku Kira-kira dan Kewangan yang Tepat

Pemegang saham kita bergantung pada kejujuran dan integriti kita, khususnya apabila mengukur kekuatan kewangan Syarikat kita. Penting supaya kita sentiasa mengekalkan amalan perakaunan dan penyimpanan rekod yang tepat dan jujur. Kita semua mesti mematuhi prinsip perakaunan yang diiktiraf. Mereka yang mempunyai tanggungjawab kewangan dan perakaunan juga mesti memastikan bahawa kaedah perakaunan kita tepat, menampilkan gambaran Syarikat kita yang jujur, telus dan jelas. Kita mesti sentiasa mematuhi keperluan undang-undang dan kawal selia dan mengikuti dasar dan kawalan perakaunan dalaman. Pendedahan kewangan yang tidak lengkap atau tidak tepat bukan hanya merosakkan Syarikat kita dan reputasi Syarikat, bahkan juga memudaratkan pihak berkepentingan kita yang bergantung pada ketepatan maklumat ini.

Kita mesti:

- Menyimpan dan membentangkan kesemua rekod dan laporan Syarikat menurut undang-undang. Laporan ini termasuk rekod perakaunan, serta apa-apa rekod elektronik atau bertulis yang lain, seperti laporan perbelanjaan dan lembaran masa
- Mewujudkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan
- Memastikan kesemua rekod Syarikat mencerminkan secara tepat dan saksama transaksi dasar
- Tidak sekali-kali memalsukan mana-mana dokumen
- Merekodkan kesemua transaksi kewangan dalam akaun, jabatan dan tempoh perakaunan yang betul
- Memastikan kesemua tindakan dan komitmen adalah menurut Dasar Syarikat

Pengurusan Rekod

Kita mesti mengekalkan rekod perniagaan selagi undang-undang mensyaratkan dan selagi diperlukan bagi tujuan perniagaan kita.

Ini bermaksud, kita hendaklah:

- Mengelaskan dokumen menurut Dasar Syarikat
- Mengekalkan dan melupuskan rekod Syarikat selaras dengan Dasar dan jadual Syarikat
- Mengikut kesemua keperluan penyimpanan rekod khas yang dikeluarkan yang berkaitan dengan siasatan dalaman, litigasi dan siasatan kerajaan

Walau bagaimanapun, jika anda menerima notis bahawa sesetengah atau kesemua rekod anda diperlukan untuk siasatan dalaman atau kerajaan atau prosiding undang-undang, anda tidak boleh melupuskan atau memusnahkan rekod anda. Jika anda menerima sepina atau permintaan untuk mana-mana dokumen atau rekod, sila maklumkan Jabatan Undang-undang dengan serta-merta. Selaras dengan itu, jika anda menerima permintaan daripada pihak perniagaan yang satu lagi (dalam kontrak), agensi kerajaan atau pihak ketiga untuk menyediakan rekod atau dokumen, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang.

Kita Mematuhi Kawalan Perdagangan Antarabangsa

LyondellBasell ialah sebuah syarikat global. Oleh hal yang demikian, kita bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai yang menentukan perdagangan antarabangsa. Akibat daripada pelanggaran undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan adalah teruk bagi kedua-dua pihak iaitu Syarikat kita dan individu yang terlibat.

Kawalan Import/Eksport

Salah satu daripada tanggungjawab yang kita semua berkongsi adalah mengetahui dan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan import dan eksport. Suatu import telah berlaku apabila keluaran, perisian, perkhidmatan, teknologi atau maklumat teknikal dikirimkan ke teritori kastam dan suatu eksport berlaku apabila yang sama dikirim daripada teritori kastam. Import adalah tertakluk pada pelbagai undang-undang dan peraturan yang mungkin memerlukan bayaran duti dan cukai dan penyerahan pemfailan tertentu. Pelbagai undang-undang dan peraturan mungkin memerlukan lesen dan permit sebelum mengekspor sebarang keluaran, perisian, perkhidmatan, teknologi atau maklumat teknikal. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*.

Negara Yang Dikenakan Sekatan Ekonomi dan Pemulauan

Sesetengah undang-undang melarang kita daripada menjalankan perniagaan dengan sesetengah orang atau entiti atau menjalankan perniagaan di sesetengah negara. Kita mesti mematuhi undang-undang itu. Kita sedar akan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan bidang kuasa lain yang boleh mengehadkan atau melarang urus niaga perdagangan. Aktiviti yang boleh dihadkan atau dilarang termasuk pelaburan,pindahan aset, bayaran kewangan, import, eksport, jualan atau bekalan barang, perkhidmatan, perisian atau teknologi, urus niaga berkaitan dengan perdagangan, pengembalaan ke negara yang terjejas dan sebarang pemudahan lain yang menjalankan kegiatan tersebut. Kita mesti menyedari dan mematuhi sekatan yang berkenaan di mana saja kita menjalankan perniagaan, hingga bukan sebaliknya bercanggahan dengan undang-undang yang terpakai bidang kuasa utama. Kita juga mesti mematuhi undang-undang dan peraturan antiboikot di mana terpakai.



Kita Membentuk Masa Depan



Kita Berfungsi sebagai Warga Korporat Yang Baik

Komitmen kita terhadap kecemerlangan bermaksud kita mengambil berat untuk mendukung hak asasi manusia dalam semua operasi dan kemudahan kita, tanpa mengira kastam tempatan. Kita menyedari bahawa Syarikat kita bertanggungjawab terhadap menghormati dan melindungi hak asasi manusia dengan melakukan yang berikut:

- Kita milarang penggunaan buruh paksa, terikat (termasuk ikatan hutang), kuli kontrak, buruh bukan secara sukarela, buruh penjara yang dieksplotasi, perhamaan, atau pemerdagangan manusia dalam operasi kita.
- Kita milarang layanan yang kasar dan tidak berpergi kemanusiaan kepada kesemua pekerja, termasuk hukuman dera yang sebenar atau diancam.
- Kita tidak akan menahan pasport atau dokumen asal pekerja yang lain melainkan disyaratkan oleh undang-undang, dan tidak akan mengehadkan pekerja daripada akses kepada dokumen tersebut.
- Kita mahupun rakan pengambilan pekerja yang bekerjasama dengan kita tidak akan mengenakan apa-apa yuran untuk pekerjaan, dan kita tidak meminta apa-apa deposit sekuriti boleh bayar balik untuk dibayar bagi tujuan pekerjaan.
- Kita milarang buruh kanak-kanak. Bagi tujuan pekerjaan, kita mentakrifkan kanak-kanak sebagai sesiapa yang berumur bawah enam belas tahun, melainkan undang-undang negara atau setempat menetapkan umur tamat sekolah wajib atau usia pekerja minimum yang lebih tinggi, yang dalam hal ini, umur yang lebih tinggi akan terpakai. Kita tidak mengambil individu yang berumur di bawah umur minimum wajib yang terpakai, untuk bekerja
- Kita mendukung semua undang-undang upah dan waktu yang wajar, di mana saja kita bekerja.
- Kita sentiasa meningkatkan kesihatan dan keselamatan pekerja kami di setiap lokasi di mana kita menjalankan perniagaan.

Kita Bekerja untuk Melindungi Alam Sekitar Kita

Di LyondellBasell, kita sedang mentakrifkan semula industry kita dengan membangunkan produk dan teknologi kitaran dan rendah karbon pada skala yang besar dan memperjuangkan bidang kimia sebagai penyelesaian yang mampan untuk planet kita. Kita rasa bangga dengan sejarah panjang kita mengurus prestasi untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar. Kita mencapai prestasi Sifar Matlamat dengan mengendalikan tapak kita dengan selamat dan dengan pasti. Kita percaya bahawa pematuhan ialah piawaian yang minimum. Akibatnya, kita memenuhi dan berusaha untuk melebihi piawai alam sekitar dalam semua operasi kami. Selain itu, kita bekerja dengan pihak berkepentingan kita untuk memastikan bahawa keluaran kita adalah selaras dengan undang-undang dan peraturan alam sekitar.

Kita Membuat Sumbangan Kebajikan dan Politik Secara Beretika

Kita memupuk perhubungan bagi menyelesaikan cabaran global dengan berjaya dan memperluas kesan kita pada komuniti yang menerima khidmat kita. Syarikat kita mempunyai rasa tanggungjawab sosial yang kuat dan berasa bangga terhadap kebanyakannya sukarelawan kita. Kita menggalakkan warga kerja kita supaya memberikan masa dan usaha mereka dengan murah hati untuk membuat perbezaan dalam komuniti tempatan kita. Selain peluang tajaan Syarikat, seperti Hari Jagaan Global, kita semua digalakkan untuk menjalankan kegiatan kebajikan lain mengikut pilihan kita. Walau bagaimanapun, untuk menjalankan kegiatan kebajikan yang tidak ditaja oleh Syarikat, kita hanya boleh berbuat demikian mengikut masa lapang sendiri dan menggunakan sumber kita sendiri.



At LyondellBasell we operate as good corporate citizens.

S. JS: Josef mempunyai kebimbangan bahawa salah seorang pembekalnya di India mungkin menggunakan buruh kanak-kanak dan terlibat dalam amalan perdagangan manusia. Adakah Josef seharusnya melaporkan kebimbangannya?

J. Ya. Pembekal Josef mungkin melanggar undang-undang buruh kanak-kanak atau lain oleh itu Josef seharusnya melaporkan kebimbangannya kepada penyelianya, atau sumber Syarikat lain seperti diterangkan dalam bahagian "Tempat untuk Mendapatkan Bimbingan dan Melaporkan Kebimbangan" kerana Syarikat kita tidak menjalankan perniagaan dengan pembekal yang menggunakan buruh kanak-kanak atau paksa, terlibat dalam amalan perdagangan manusia atau eksplotasi kanak-kanak

Ini berkenaan dengan penglibatan politik persendirian anda yang juga tidak ditaja oleh Syarikat. Kita juga mesti menahan diri daripada menyiaran mesej politik peribadi di blog atau forum awam lain menggunakan rangkaian atau komputer Syarikat, walaupun semasa waktu tidak bekerja. Setiap negara di mana LyondellBasell beroperasi mempunyai sekat pada sumbangan politik mengikut syarikat. Pekerja mesti berunding dengan Jabatan Perhubungan Kerajaan untuk memastikan pematuhan yang ketat dengan undang-undang yang terpakai.

Kita Mematuhi Undang-undang Antirasuah

Sebagai sebuah organisasi yang bersifat sejagat, LyondellBasell komited untuk bertindak secara beretika dan sah di seluruh dunia. Sebagai pekerja, kita menerapkan kepercayaan dan menyerlahkan integriti. Kita mendukung komitmen ini tanpa mengira tempat kita menjalankan perniagaan. Ini bermaksud, sebagaimanya, bahawa kita mematuhi semua undang-undang antirasuah antarabangsa, perjanjian dan peraturan yang melarang rasuah, pembayaran yang tidak wajar atau wang sogokan.

Rasuah dan Pembayaran Yang Tidak Wajar

Menjalankan perniagaan dengan cara yang betul bermaksud kita tidak menawar atau menerima sebarang bentuk rasuah, pembayaran atau wang sogokan. "Rasuah" ialah tawaran atau janji untuk memberikan apa-apa benda atau perkara yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan dengan tidak wajar atau mendapat kelebihan perniagaan yang tidak wajar. "Wang sogokan" berlaku apabila wang dikembalikan atau dibayar sebagai ganjaran kerana pemberian atau memupuk perniagaan.

Di samping itu, LyondellBasell melarang bayaran pemudahan. "Bayaran pemudahan" ialah bayaran kecil —lazimnya wang tunai—yang dibuat untuk mempercepatkan perkhidmatan kerajaan yang rutin. Walaupun bayaran sebegini mungkin adalah biasa di sesetengah bahagian dunia, Syarikat kita melarang perkara tersebut.

Anda mesti bersikap berhati-hati untuk mengelakkan pembayaran yang tidak wajar. Anda sentiasa seharusnya menentukan struktur pemilikan wakil pihak ketiga kita dengan menjalankan usaha wajar seperti diperlukan oleh Dasar Syarikat yang berkenaan. Anda juga mesti memastikan bahawa anda tidak membenarkan pihak ketiga untuk membuat atau menerima sebarang pembayaran yang tidak wajar bagi pihak kita.

Anda tidak boleh meminta atau menerima sebarang pembayaran yang tidak wajar atau wang sogokan.

Pelanggaran Dasar ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib sehingga dan termasuk penamatkan kerja, dan juga kemungkinan hukuman penjara sivil dan jenayah bagi pihak tersebut dan Syarikat kita.

Anda dijangka untuk melaporkan keimbangan anda mengenai rasuah dan pembayaran yang tidak wajar. LyondellBasell tidak akan bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan salah laku dengan niat baik

Kita Bekerja untuk Mencegah Pengubahan Wang Haram

LyondellBasell komited untuk mengesan dan mencegah pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram bermaksud terlibat dalam urus niaga kewangan yang menyembunyikan identiti, sumber atau destinasi wang yang diperoleh melalui cara yang menyalahi undang-undang. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita untuk mengenal pasti dan menghentikan kegiatan pengubahan wang haram, kita mesti mematuhi semua undang-undang pencegahan pengubahan wang haram yang terpakai di seluruh dunia. Tambahan lagi, kita mesti memastikan bahawa kita hanya menjalankan perniagaan dan melibatkan diri dalam urus niaga kewangan dengan orang yang menjalankan kegiatan yang sah. Kita sentiasa hendaklah mengesahkan identiti orang atau firma yang kita jalankan perniagaan dan berasa senang bahawa sebarang dana yang kita terima datang daripada sumber yang sah sepenuhnya.



S. Salah seorang pengedar yang berurusan dengan Basma baru-baru ini menawarkan untuk membayar percutian ski berbayar kesemuanya untuk Basma dan rakan-rakan sekerjanya, sebagai balasan untuk Basma meningkatkan jumlah produk yang disediakan kepada pengedar tersebut. Walaupun Basma sudah merancang untuk meningkatkan jumlah produk, dia menolak percutian tersebut. Adakah Basma melakukan perkara yang betul?

J. Ya. Sekiranya Basma menerima percutian tersebut, ini akan mewujudkan keadaan yang kelihatan seperti "wang sogokan." Basma telah bertindak dengan dengan betul apabila dia menolak tawaran percutian tersebut. Dia juga sepatutnya mempertimbangkan untuk menamatkan hubungan dengan pengedar tersebut.

Isu pengubahan wang haram mungkin rumit. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai ini, sila lihat Dasar Syarikat yang berkenaan di *Elements*

Kita Berusaha untuk Mencegah Usaha Membantu Pengelakan Cukai

LyondellBasell komited untuk mencegah mereka yang bertindak untuk atau bagi pihak mereka daripada membantu mengelak cukai. Pengelakan Cukai adalah menggunakan kaedah yang menyalahi undang-undang untuk mengelak daripada membayar cukai. Pengelakan cukai melibatkan menyembunyikan atau salah representasi pendapatan.

Mungkin menarik untuk berurus niaga dengan pembekal yang lebih murah, atau pelanggan yang bersedia membayar lebih dan sebagai balasan, anda membantu meminda invoice yang menampilkan salah representasi pendapatan pembekal tersebut atau meningkatkan kos lebih tinggi daripada yang sepatutnya dibayar oleh pelanggan. Walau bagaimanapun, ini adalah usaha membantu pengelakan cukai.

Anda mesti berwaspada apabila menerima permintaan yang luar biasa yang akan memerlukan perubahan butiran pihak yang satu lagi (dalam kontrak).

Kita Mematuhi Undang-undang Antitrust dan Persaingan

Memandangkan kita syarikat yang tertumpu pelanggan, bermaksud kita dapat mencapai keluaran bermutu tinggi pada harga yang berpatutan. Oleh itu, LyondellBasell komited untuk bersaing dengan giat, tetapi masih beretika dan sah. Untuk memastikan semua syarikat mengikut peraturan yang sama, pelbagai undang-undang persaingan tersebut telah digubal di negara tempat kita menjalankan perniagaan. Secara umum, undang-undang tersebut melarang penetapan harga, membahagi wilayah, berpakat sulit dengan pesaing kita dan tindakan lain yang menjelaskan pelanggan kita secara negatif atau mengehadkan persaingan.

Kita sentiasa mesti mematuhi undang-undang persaingan yang tersurat dan tersirat walau di mana sahaja kita menjalankan perniagaan kita. Undang-undang ini boleh berkuat kuasa walaupun semasa anda menjalankan perniagaan di luar sempadan negara. Anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi semua undang-undang persaingan yang terpakai kepada kerja anda.

Contoh yang berikut menunjukkan amalan yang dilarang oleh pesaing:

- Memetrahi perjanjian penetapan harga
- Mengagihkan bahagian pasaran atau —sama ada secara formal atau tidak formal—dalam kalangan pesaing
- Melakukan penipuan bida
- Menghadkan atau membataskan pengeluaran bagi mengurangkan persaingan

Selain itu, pelbagai undang-undang persaingan melarang sekatan persaingan hasil daripada perjanjian tertentu antara pembekal dan pelanggan atau pengedar, seperti sekatan ke

atas harga jualan semula, peruntukan eksklusif tertentu atau sekatan ke atas wilayah jualan.

Kita Berusaha untuk Mencegah Perdagangan Orang Dalam dan Pendedahan Maklumat Kepada Orang Lain Yang Berdagang Atas Dasar Maklumat Tersebut (“Tipping”)

Di seluruh dunia, negara telah menggubal undang-undang yang melarang kita daripada menjalankan perdagangan sekuriti berdasarkan bahan, maklumat bukan awam. “Maklumat

S. Jon ialah pengurus jualan di LyondellBasell. Di sebuah pameran perdagangan, Mario - seorang pengurus jualan yang bekerja untuk syarikat pesaing – menjemputnya untuk membincangkan pelanggan bersama mereka dengan ‘objektif untuk memastikan harga kekal pada paras yang sama dan margin meningkat.’ Adakah perbincangan yang dicadangkan oleh Mario menimbulkan masalah?

J. Ya. Jon sepatutnya memberitahu Mario bahawa baginya, membincangkan harga atau margin pelanggan dengan pesaing adalah bertentangan dengan dasar LyondellBasell. Jon hendaklah serta-merta beredar dari perbualan tersebut dan melaporkan kepada Jabatan Pematuhan

material bukan awam” merujuk kepada maklumat yang tidak tersedia kepada orang ramai dan pelabur berkemungkinan akan menganggap penting dalam memutuskan sama ada untuk membeli atau menjual sekuriti. Jika anda berdagang berdasarkan maklumat sebegini, itu dianggap sebagai perdagangan orang dalam dan menyalahi undang-undang. Oleh itu, anda tidak boleh membeli atau menjual sekuriti syarikat lain atau kita jika anda mempunyai maklumat sebegini. Tambahan pula jika anda berkongsi maklumat dengan orang lain dan orang lain berdagang berdasarkan maklumat tersebut, itu dianggap sebagai “tipping” dan kedua-dua pihak mungkin didapati bersalah disebabkan oleh perdagangan orang dalam.

Maklumat dalam mungkin termasuk:

- Maklumat kewangan, termasuk pendapatan, ramalan atau perubahan dividen
- Kemenangan atau kehilangan pelanggan atau kontrak
- Perubahan dalam pengurusan paling kanan kami
- Litigasi atau penyiasatan kerajaan
- Penggabungan, pemerolehan atau penyalaburan
- Jualan atau pembelian aset utama atau subsidiari

Jika anda rasa anda atau pekerja lain mungkin terlibat dalam perdagangan orang dalam atau “tipping”, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang dengan serta-merta

Borang Perakuan

Dengan menandatangani di bawah, saya memperakui bahawa saya telah menyemak semula dan memahami Tatakelakuan LyondellBasell (Kod), saya selanjutnya memperakui dan bersetuju bahawa:

Kod tersebut menyediakan gambaran keseluruhan umum mengenai dasar Syarikat kita dan tidak semestinya mewakili semua dasar dan amalan sebegitu berkuat kuasa pada bila-bila masa tertentu.

Saya mematuhi Kod tersebut, dasar bertulis, amalan, undang-undang, peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh LyondellBasell.

Saya sepatutnya menghubungi penyelia atau pengurus langsung saya, Jabatan HR, Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan atau Talian Bantuan Etika, sewajarnya, jika saya mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Kod kita atau sebarang tingkah laku atau situasi berkenaan dengan Syarikat.

Saya sepatutnya melaporkan sebarang pelanggaran Kod tersebut, sewajarnya, sama ada kepada penyelia atau pengurus langsung saya, Jabatan HR, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan atau Talian Bantuan Etika.

Kegagalan untuk mengikuti Kod tersebut boleh mengakibatkan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Tarikh

Nama Pekerja (Sila Cetak)

Tandatangan Pekerja

Indeks Maklumat Hubungan dan Sumber

Jabatan Pematuhan



Margaret C. Mousoudakis

Ketua Pegawai Pematuhan

Margaret.Mousoudakis@lyondellbasell.com

Jason P. Sander

Ketua Penasihat, Pematuhan

Jason.Sander@lyondellbasell.com

E-mel Jabatan Pematuhan:

EandC@lyondellbasell.com



EthicsPoint

www.lyondellbasell.ethicspoint.com

Houston

LyondellBasell Tower, Ste. 300

1221 McKinney Street

Houston, TX 77010

USA

Tel: +1 713 309 7200

Rotterdam

Delftseplein 27E

3013 AA Rotterdam

The Netherlands

Tel: +31 10 275 5500

London

One Vine Street, 4th Floor

London W1J 0AH

United Kingdom

Tel: +44 207 220 2600

Hong Kong

32/F, Dorset House

Taikoo Place

979 King's Road

Quarry Bay, Hong Kong

China

Tel: +852 2577 3855



LyondellBasell